

12/07/2001

`Jalan pintas' punca orang Melayu ketinggalan

Salleh Majid

PADA Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan beberapa masalah mengenai orang Melayu termasuk mengenai usahawan Melayu. Katanya, selepas berbilion-bilion ringgit dicurahkan untuk membangun usahawan Melayu, mereka Melayu masih berniaga di tepi jalan.

Walaupun pada hari penutup perhimpunan itu, Dr Mahathir menceritakan orang Melayu di Petronas dan Proton yang berjaya meneroka 25 negara dan mereka bentuk kereta nasional, hakikatnya masyarakat usahawan Melayu masih jauh ketinggalan tidak boleh dinafikan.

Di luar dewan perhimpunan mungkin banyak Mercedes dan BMW yang dimiliki wakil tetapi hak milik orang Melayu perseorangan dalam sektor korporat hanya sebanyak empat atau lima peratus daripada jumlah keseluruhan sebanyak 19 peratus yang dilaporkan.

Jarak antara keadaan sebenar dengan pengumpulan dan penganalisis data kadang-kadang memakan masa lama. Apa yang dapat kita lihat daripada dua tiga kerat orang Melayu yang mempunyai syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kebanyakannya dalam keadaan tenat.

Kalau dulu ada MAS, Global Carrier (dalam perkapalan), Land and General, Renong, kini MAS dijual balik kepada kerajaan, Global Carrier, Land and General dan Renong masing-masing menghadapi masalah. Memang orang bukan Melayu pun mempunyai masalah tetapi bilangan mereka ramai sedangkan kita sikit.

Dalam hal ini, kita bertanya di manakah silapnya. Pelbagai program membantu orang Melayu dalam pelbagai bidang sama ada pendidikan atau ekonomi sudah dijalankan. Berbilion-bilion ringgit dibelanjakan, namun kita masih di takuk lama. Kalau ada pun kejayaan seperti PNB, Tabung Haji dan Tabung Angkota Tentera ia bukan milik individu, tetapi kerajaan.

Dalam pendidikan begitu juga. Jumlah yang masuk ramai tetapi kualitinya rendah. Kalau temuduga graduan Melayu, kita tahu kualiti mereka.

Pengalaman menemuduga lepasan universiti tempatan untuk menjadi wakil peniaga boleh dirumuskan dalam tiga perkataan: Kurang keyakinan diri. Mereka tidak mampu mengendalikan diri ketika ditemuduga. Kalau ditanya perkara yang dipelajari, mengaku lupa sedangkan baru lulus tiga bulan lalu kerana bimbang ditanya lebih mengenai mata pelajaran itu. Itu belum lagi bercakap mengenai hendak mencari pelanggan dan meyakinkan orang ramai menjadi pelanggan.

Kalau bahasa Inggeris mereka tunggang langgang, kita boleh faham apa sebabnya, yang lebih menghairankan kita ialah bahasa Melayunya pun begitu juga. Dari satu segi ini pun bukan perkara yang menghairankan kerana ramai yang gagal bahasa Melayu pada peringkat SPM.

Belum pun kita menyelesaikan masalah itu dengan teratur dan licin, kini kita berdepan dengan masalah baru. Pertama, pelajar yang tidak mahu belajar kerana mereka fikir bapa mereka yang berikan biasiswa untuk dihabiskan di universiti dan status sebagai mahasiswa melayakkan mereka berbuat sesuka hati mereka.

Kedua, sesetengah pelajar terpengaruh konon dengan barisan bertindak, tidak kira barisan bertindak untuk apa tetapi yang jelas barisan bertindak selain mendapat keputusan cemerlang.

Kebanyakan mereka berani ketika dalam kumpulan, kalau mereka diasingkan, barulah kita dapat saksikan `keberanian' sebenar mereka. Keadaan ini wujud kerana terlalu banyak kemudahan diberikan. Mereka tidak menilai pemberian

itu sehingga naik lemak. Keadaan yang meruncing selalunya menghasilkan kecemerlangan. Ini disebabkan mereka yang susah itu sedar besar nilai bantuan yang diberikan. Jadi mereka tidak mensia-siakan. Ada sesetengahnya pula diapikan oleh orang tertentu dengan menyatakan semua bantuan adalah hak mereka seperti hak bapa mereka.

Sedikit sangat ilmu, sudah mendabik dada. Begitu juga dengan usahawan Melayu. Cerita Awang Selamat menerusi Mingguan Malaysia minggu lalu mengenai usahawan yang membuat pinjaman untuk berfoya-foya dan berbelanja atas benda mewah kerana menerima pelbagai jenis bantuan, bukan sesuatu yang menghairankan.

Sedangkan ramai yang betul-betul meramping pinggang, potong sini dan kerat sana untuk maju, tidak kurang juga, yang hanya sibuk ke hulu ke hilir tanpa menghasilkan sesuatu.

Jalan pintas paling digemari orang Melayu kerana tidak perlu bersusah payah. Kalau dapat kontrak jual saja, boleh dapat duit pada masa itu juga. Kalau berbunga durian pajakkan saja, tidak perlu hendak tunggu sehingga berbuah dan gugur. Segalanya mahu mudah, tetapi kita tidak juga kaya raya. Dapat saham jual saja, buat apa hendak ditunggu-tunggu. Kalau jatuh lagi susah. Maklumlah duit pinjaman bank kerana duit sendiri tidak ada.

Semuanya ini berpunca daripada satu perkara iaitu sikap.

Lihat mereka yang berjaya. Datuk Khatijah Ahmad dinamakan sebagai wanita paling berpengaruh di negara ini oleh majalah Far Eastern Economic Review. Beliau mula berniaga hanya bermodal RM15,000. Hari ini kebanyakan syarikatnya dalam perkhidmatan kewangan memperoleh berbilion-bilion ringgit. Untung tahun lalu tidak kurang RM20 juta. Bukan semua orang boleh tahan dengan gaya Khatijah tetapi beliau contoh orang Melayu yang mempunyai sikap yang betul untuk berjaya.

Saya teringat dengan salah seorang penuntut ketika mengajar di UiTM. Beliau iaitu Datuk Fawziah Karim kini menjadi kontraktor besar. Berpuluh-puluh rumah pangsa dan lebuhraya dibangunkannya sedangkan beliau sangat low profile. Antara miliknya sekarang ialah 14 banglo di Taman Tun Razak, Ampang selain harta di Australia dan di tempat lain. Sebarang perundingan dengan syarikatnya, dikendalikan sendiri. Pengurusnya hanya mengambil alih tugas beliau jika dirinya kurang sihat. Inilah sikap yang betul.

Salah satu sikap yang perlu dipupuk ialah "perlu berjaya". Itu sebabnya mereka yang tidak mempunyai sikap ini duduk diam-diam bekerja sebagai kakitangan kerajaan atau syarikat saja.

Dalam diri mereka tiada cita-cita mendapatkan sesuatu yang lebih berjaya. Mereka duduk di satu tempat bertahun-tahun mengharapkan kenaikan pangkat.

Bagi mereka yang mempunyai sikap ingin berjaya, rutin harian sebagai kakitangan membosankan. Mereka sanggup keluar menghadapi ketidakpastian dan risiko. Mereka cemburu kejayaan orang lain tetapi bukan hingga merosakkan kejayaan orang terbabit.

Di kalangan yang bekerja pun begitu juga. Kalau ada yang bijak sikit, pandai buat kerja atau tidak kacau orang juga mendatangkan sakit hati dan cemburu orang lain. Perempuan yang disukai ketua jadi bahan gosip dan tidak sedikit pula yang mengutuk itu mereka yang bertudung dari kepala sehingga seluruh badan. Usaha untuk menghilangkan hasad dengki orang Melayu tidak akan berjaya.

Kalau yang berpangkat pula, mula lupa diri dan tunjuk lagak pada orang bawah. Mereka memandangi hina orang bawahan, tanpa memikirkan rezeki itu pemberian Allah. Jika bergaul hanya dengan mereka yang setaraf dengannya dan asal usul diri.

Ilmu ini tiada bertepi. Begitulah juga dengan ilmu berniaga. Cara 10 tahun lalu mungkin tidak sesuai sekarang. Buanglah sikap tidak boleh ditegur, mahu cepat untung dan menjatuhkan rakan yang berjaya agar orang

Melayu menjadi bangsa yang cemerlang dalam semua bidang.